

# Kerja pembinaan di kawasan PKPD Selangor, KL dihentikan

## KUALA LUMPUR

- Selaras dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) beberapa mukim dan lokaliti di Selangor dan Kuala Lumpur bermula Sabtu, semua kerja pembinaan dan yang berkaitan di kawasan berkenaan perlu dihentikan.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, ia bermakna surat kebenaran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang sebelum ini diterima bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan diteruskan sepanjang tempoh PKPD, kini tidak boleh digunakan lagi.

Bagaimanapun beliau berkata, pengecualian diberikan kepada kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan pendawaian yang bersifat kritikal berdasarkan janji temu.

“Bagi menjalankan kerja-kerja (yang diberikan pengecualian), pihak terlibat boleh mendapatkan kebenaran dari balai polis terdekat,” katanya dalam kenyataan pada Sabtu.



FADILLAH

Fadillah menggesa semua penggiat industri pembinaan untuk mematuhi arahan kerja semasa dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan

Negara (MKN) bagi memastikan penurunan kes Covid-19 di kawasan terlibat.

Katanya, SOP terkini boleh dirujuk di laman sesawang MKN, manakala SOP serta garis panduan industri boleh didapati menerusi Telegram dan laman sesawang rasmi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) atau menghubungi talian **03-5567 3300**.

Pada 1 Julai lepas, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pelaksanaan PKPD di lapang daerah di Selangor melibatkan Petaling, Hulu Langat, Sepang, Gombak, Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor, selain 14 lokaliti di Kuala Lumpur bermula Sabtu hingga 16 Julai ini. - Bernama



Kesemua penggiat industri pembinaan digesa patuh arahan kerja semasa dan SOP yang dikeluarkan MKN bagi memastikan penurunan kes Covid-19 di kawasan terlibat.